



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	'TERPAKSA BELI BERAS IMPORT', NASIONAL, SH -10 JUAL BERAS TIMBANG KILO ATAS PERMINTAAN, NASIONAL, SH -10 JANGAN BUAT PEMBELIAN PANIK - EXCO, NASIONAL, SH -10 PERLU BINCANG DENGAN PERSATUAN, NGO, NASIONAL, SH -11 KARTEL JADI PUNCA, MUKA DEPAN, HAKAKAH -1 KARTEL KAUT KEUNTUNGAN - MB, NASIONAL, HAKAKAH -H2 KRISIS BERAS PERLU PENYELESAIAN SEGERA, KRISIS BERAS, HAKAKAH -H17 WAJAR DIATASAI, KRISIS BERAS, HAKAKAH -H17 SIMPAN STOK PUNCA BERAS KURANG?, DALAM NEGERI, UM -32 PERUNCIT TIDAK JUAL BERAS TEMPATAN KERANA MARGIN UNTUNG RENDAH, DALAM NEGERI, UM -32 PERLU RM223.4 JUTA TINGKAT PENGAIRAN, DALAM NEGERI, UM -12 HAPUS PENGLABELAN GRED BERAS TEMPATAN, IMPORT, DALAM NEGERI, UM -12 CARI SOLUSI ISU SEKURITI MAKANAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -10 BEKAL BERAS SECARA BERSKALA, LOKAL, HM -3 SEKAMPIT BPT, AYAM RM27 JE, LOKAL, HM -4 BEKALAN DIJANGKA MULA STABIL BULAN HADAPAN, LOKAL, HM -4 PELBAGAIKAN INISIATIF, STRATEGI BANTU RAKYAT TERKESAN, KOMENTAR, BH -11 PERTANIAN LESTARI DI TANAH WAKAF PERBAIKI KETEMPANGAN EKONOMI, RENCANA, BH -12 HALANG WARGA ASING BELI BERAS TEMPATAN SYOR TAK MASUK AKAL, NASIONAL, BH -5 SELANGOR GERAK KEMPEN JUALAN BERAS EHSAN, NASIONAL, BH -5 BEKALAN BERAS TEMPATAN KEMBALI STABIL SEBULAN LAGI, NASIONAL, BH -4 'STEPS TAKEN TO PREVENT MANIPULATION', NEWS, NST -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	FAMA NEGERI SEMBILAN DIMINTA TAMBAH BAIK KAEDAH JUALAN BERAS, NASIONAL, SH -11 ISU KEKURANGAN BERAS PUTIH TEMPATAN STABIL DALAM TEMPOH SEBULAN, NASIONAL, SH -12 RAKYAT SERBU BERAS RAHMAH, DALAM NEGERI, UM 1 & 2 BEKALAN BERAS DIJANGKA STABIL DALAM TEMPOH SEBULAN LAGI, NEGARA, KOSMO -6 'LEGA WALAUPUN DAPAT BELI SEKAMPIT', NEGARA, KOSOMO -6 RAKYAT LEGA ADA JUALAN AGRO MADANI, NASIONAL, BH -4 'ILLOGICAL FOR LOCAL WHITE RICE STOCKSTO HAVE RUN OUT', NEWS, NST -6 MORE RICE NEEDED FOR PROGRAMME, NEWS, THE SUN -3 ENOUGH RICE SUPPLY IN JOHOR: EXCO, NEWS, THE SUN -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
32.	MADA BAKAL HASIL 2704 JUTA BEG BERAS, LOKAL, HM -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
33. 34. 35.	FINE FIND IN PINEAPPLES, MUKA DEPAN, THE STAR -1 PLANT WITH MANY USES MAKING WAVES, NEWS, THE STAR -2 FOLLOWING CALL OF HIS HEART TO GROW PINEAPPLES, NEWS, THE STAR -2 & 3	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
36. 37. 38. 39. 40. 41. 42. 43. 44. 45. 46. 47. 48.	CADANG BELI MESIN PROSES BERAS, NASIONAL, SH -11 'KAMI JUAL IKUT HARGA SEMASA, NASIONAL, SH -12 DIDENDA RM10,000 JUAL TELUR AYAM MELEBIHI HARGA KAWALAN, NASIONAL, SH -12 TEKAD BANTU GOLONGAN MISKIN, KRISIS BERAS, HAKAKAH -H16 KARTEL BELENGGU PESAWAH, KRISIS BERAS, HAKAKAH -H16 KEBUN NIPAH PAK MAN PRODUK PELANCONGAN PULAU PINANG, DALAM NEGERI, UM -12 8,000 PENIAGA BAKAL GULUNG TIKAR MENJELANG AKHIR TAHUN, LOKAL, HM -3 KENA DENDA RM10k JUAL TELUR MELEBIHI HARGA MAKSIMUM, LOKAL, HM -4 PERUNCIT JUAL TELUR 70 SEN SEBIJI DIDENDA RM10,000, NASIONAL, BH -5 TETAP JUAL MENU RAHMAH WALAU HARGA BARANG NAIK, NASIONAL, BH -4 'ENOUGH SUPPLY IN JOHOR, AVOID PANIC BUYING', NEWS, NST -6 BREAKTHROUGH, NEWS, THE SUN -2 PENGGUNA DI KEDAH MERUNGUT HARGA SAYUR MENINGKAT, NEGARA, KOSMO	LAIN-LAIN

49.	-15 TELUR HARGA 43 SEN SEBIJI, DIJUAL 70 SEN, NEGARA, KOSMO -16	
-----	--	--

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

'Terpaksa beli beras import'

Pengguna tiada pilihan walaupun harga makanan ruji itu meningkat setiap minggu

IPOH

Rakyat tiada pilihan terpaksa membeli beras putih import berikutan ketiadaan bekalan beras putih tempatan di pasaran sejak beberapa bulan lalu.

Kemelum bekalan makanan ruji tempatan itu menyebabkan pengguna dan peniaga beralih kepada beras import yang harganya semakin meningkat setiap minggu.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati stok bagi beras timbang kilo atau dibungkus semula juga sukar didapati di kedai-kedai runcit sekitar Ipoh.

Ibu tunggal, Norwiryatul Liza Mohd Wadzir, 45, berkata, kos belanja bulanan untuk menyara tiga anak mula meningkat berikutan kenaikan harga beras dan barangan lain.

"Kami memerlukan 15 kilogram setiap



NORWIRYATUL LIZA



FARIDATUL AMLA

PERAK

bulan dan stok beras di rumah makin kurang. Biasanya beli beras tempatan harga sekitar RM28 tetapi sekarang ini hampir RM40 bagi 10kg.

"Beras tempatan sudah tidak ada, merata mencari di sekitar Tambun dan Meru Raya. Saya terpaksa beli beras import tetapi kena cari harga yang paling murah. Beras timbang pun sudah tidak ada di kedai-kedai," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Bagi suri rumah, Faridatul Amla Hamid, 60, berkata, harga beras mencecah RM40 bagi 10kg disifatkan terlalu mahal untuk menyara kehidupan dia dan suaminya.

"Beras itu cukup untuk tampung kami



Tinjauan *Sinar Harian* mendapati hanya beras putih import sahaja dijual di kedai-kedai sekitar Ipoh.

berdua dalam tempoh lebih sebulan. Apabila krisis beras ini berlaku, saya terpaksa beli beras import yang harganya naik hampir dua kali ganda daripada harga RM25 kepada RM39.90.

"Pencen suami tidaklah banyak, sudahlah barang mahal, gula dan minyak masak peket pula susah nak dapat. Ada kedai meletakkan syarat belanja lebih RM30 dulu baru dapat beli barangan ini," katanya.

Wakil pemborong, Noorsyamimi Suhaimi, 22, berkata, kekurangan bekalan

beras tempatan bukanlah disebabkan pembelian panik kerana trend pembelian pengguna adalah biasa sebelum krisis beras bermula.

"Semua pemborong menghadapi masalah sama kerana pihak pengilang tidak lagi menghantar beras tempatan sejak beberapa bulan lalu jadi, stok beras ini tiada di mana-mana kedai.

"Ramai pelanggan mula merungut tetapi mereka tiada pilihan terpaksa beli beras import kerana ia satu keperluan," katanya.

Jangan buat pembelian panik - Exco

JOHOR BAHRU -

Rakyat di negeri ini dinasihatkan supaya tidak membuat pembelian panik terhadap beras kerana bekalan itu mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, penggunaan beras rakyat Johor untuk sebulan adalah sekitar 21,000 tan metrik berbanding bekalan sebulan sebanyak 23,000 tan metrik.

Beliau berkata, secara keseluruhan, Johor mempunyai bekalan beras 316,000 tan metrik untuk setahun, justeru seharusnya tidak timbul kerisauan tentang bekalan itu.

"Apa yang berlaku adalah pembelian panik apabila keluarga yang biasa beli sekampit beras sebulan, tiba-tiba membeli dua atau tiga kampak sekali gus.

"Ini termasuklah pengusaha makanan, peniaga kantin dan pengusaha katering kerana risau tiada bekalan, jadi mereka terus beli dalam kuantiti besar," katanya selepas merasmikan Program Jualan Agro Madani di Pasar Tani

JOHOR

Kekal, Jalan Datin Halimah di sini pada Rabu.

Zahari berkata, setakat ini pihak berkuasa tidak menerima sebarang aduan berkaitan mana-mana pihak menyorok bekalan beras di negeri ini.

"Mungkin semasa mereka (pembeli) sampai di kedai, kebetulan stok baru habis atau stok baharu belum sampai tetapi data diterima daripada pelbagai agensi berkaitan tidak menunjukkan kekurangan bekalan yang serius.

"Setakat ini tiada terima laporan sorok beras, tiada tangkapan, mungkin dalam TikTok ada tetapi dalam laporan rasmi kepada KPDN tiada. Saya alu-alukan kalau rakyat atau pembeli yang tahu ada berlaku kes sorok beras, laporan kepada KPDN," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut memaklumkan Johor telah menerima bekalan tambahan 100 tan metrik beras daripada beberapa agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pertubuhan Peladang untuk mengatasi kekurangan bekalan itu di negeri ini. - *Bernama*

Jual beras timbang kilo atas permintaan

KUBANG PASU -

Seorang penjaga kedai runcit di Pekan Kodiang di sini terpaksa menjual beras secara timbang kilo sejak dua minggu lalu atas permintaan penduduk kampung.

Noor Shuhada Ahmad Judin, 33, berkata, kebanyakan penduduk kampung tidak mampu membeli beras kampak lima kilogram kerana harganya yang mencecah hampir RM20.

"Sekarang yang ada beras import, jadi memang mahal terutama mereka yang bekerja gaji hari.

"Kadang-kadang ada yang baru balik kerja upah meracun, singgah beli beras sekilo dua," katanya ketika ditemui di kedai runcit di sini pada Rabu.

Menurutnya, beras timbang import dijual RM3.30 sekilogram.

"Saya timbang ikut permintaan pelanggan. Alhamdulillah sejak jual beras timbang kilo, hari-hari orang mai beli beras.

"Setidak-tidaknya kita boleh bantu mereka beli beras secara sikit-sikit berbanding mengeluarkan kos sekali gus untuk lima atau 10kg beras," katanya.

Sementara itu, suri rumah, Noni Saad, 47, berkata, mereka sekeluarga terpaksa membeli beras import 5kg berbanding beras

KEDAH



Noor Shuhada menimbang beras import untuk memudahkan penduduk membeli mengikut jumlah kilogram.

tempatan 10kg sebelum ini.

"Kalau beli beras import 10kg mahal sangat saya pun tak mampu tambah saya pula hanya berniaga kecil-kecilan sahaja.

"Saya pun dah mati akal nak cari beras tempatan sebab semua kedai dan pasar raya berdekatan rumah hanya jual beras import," ujarnya.

Sementara itu di **ALOR SETAR, KEDAH**, Persatuan Pengguna Kedah (Cape) tidak setuju dakwaan pembelian panik menjadi punca kepada ketiadaan beras tempatan di pasaran.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diminta

melakukan pemeriksaan di pasar raya kerana tempat itu menjadi antara lokasi beras tempatan banyak dijual sebelum ini.

Manurutnya, sebelum ini tiada isu bekalan beras tempatan, namun selepas pengumuman kenaikan harga beras import pada 1 September, tiba-tiba beras tempatan berkurangan di pasaran.

"Kalau berlaku pembelian panik, KPDN perlu buat pemeriksaan di pasar raya jumlah pembelian.

"Daripada di situ kita boleh nampak pengguna buat pembelian panik atau tidak dan boleh baca daripada segi data dan sebagainya," katanya pada Rabu.

FAMA Negeri Sembilan diminta tambah baik kaedah jualan beras



Orang ramai mengambil peluang membeli beras tempatan yang dijual pada program Jualan Beras Putih Tempatan di Pusat Operasi FAMA Senawang pada Rabu.

SEREMBAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan diminta menambah baik kaedah pembelian beras putih tempatan (BPT) menerusi program Intervensi Pengedaran BPT bagi memastikan setiap masyarakat boleh mendapatkannya.

Exco Kanan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ia termasuk memperincikan dan mengedarkan jumlah pembelian kepada setiap individu atau keluarga bagi mengelakkan bekalan beras tidak mencukupi sehingga menimbulkan runtutan dalam kalangan mereka.

"Saya terima laporan ada satu keluarga beli sampai enam kam-

NEGERI SEMBILAN

pit beras 10 kilogram, ini tidak adil kepada orang lain. Di Seremban tadi (Rabu), FAMA hanya benarkan satu keluarga atau seorang individu beli satu kampak sahaja tetapi ia tidak berlaku di Kuala Pilah dan Jelebu dan menyebabkan berlakunya kekurangan.

"Hari ini (Rabu) adalah hari pertama, mungkin FAMA agak terlepas pandang, sehingga ada yang membeli lebih daripada jumlah sepatutnya.

"Saya telah ingatkan kepada pegawai agensi terbabit supaya lebih spesifik dan praktikal dalam mengedarkan dan menjual bekalan beras dalam program ini," katanya dalam sidang media selepas

menghadiri Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Sembilan di sini. Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri berkata demikian bagi mengulas video tular memaparkan orang ramai tidak berpuas hati apabila beras tempatan habis tanpa sempat membelinya ketika program jualan berkenaan dipercayai di Pusat Operasi FAMA Kuala Pilah.

Selain itu, Jalaluddin sekali lagi menasihati orang ramai untuk tidak membuat pembelian panik kerana bekalan beras tempatan tentunya mencukupi untuk pembelian pengguna di negeri ini. - *Bernama*

Perlu bincang dengan persatuan, NGO

Bagi memastikan Jualan Rahmah Beras sampai kepada golongan sasaran

SHAH ALAM

Kerajaan perlu berunding dengan semua pemegang taruh agar Jualan Rahmah Beras yang dilaksanakan sampai kepada golongan sasaran.

Bendahari Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, langkah itu perlu dalam memastikan subsidi kerajaan diperolehi mereka yang benar-benar memerlukan.



NUR ASYIKIN

Menurutnya, perbincangan mesti melibatkan persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan serta agensi terlibat baik di peringkat kerajaan Persekutuan, negeri, wakil rakyat mahupun syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memastikan rakyat tidak terus terbeban dengan kenaikan harga beras.

"Kalau nak betul-betul bersasar, kita kena ada sesuatu mekanisme kekal sebagai contoh penggunaan kad subsidi di mana kita boleh kenal pasti hanya rakyat kita yang betul-betul memerlukan sahaja yang dapat menikmati barangan subsidi kita.

"Maksudnya di sini perlu ada rekod dan data yang memudahkan pelaksana untuk memantau bagi mengelak risiko ketirisan kerana melibatkan barangan subsidi yang dijual secara terbuka di pasaran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam melaksanakan Jualan Rahmah Beras di setiap kawasan Parlimen seluruh negara.

Timbalan Menteri KPDN Fuziah Salleh pada Selasa berkata, pihaknya memberikan harga istimewa kepada pengguna dengan menawarkan beras import lima kilogram dengan harga RM13, hingga RM14 sekampak.

Difahamkan menerusi konsep

Jualan Rahmah Bergerak ianya akan memberi fokus di kawasan B40, perumahan kos rendah dan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan sebagainya.

Jelas NurAsyikin, hasil pemantauan Fomca juga mendapati kebanyakan pasar raya atau kedai runcit memang tiada dan kurang bekalan beras tempatan.

"Jadi pengguna tiada pilihan selain terpaksa membeli beras import yang harganya agak mahal.

"Bila beras import pun termasuk dalam jualan rahmah dan ini dapat mengurangkan beban kewangan rakyat terutama golongan B40," ujarnya.

Dalam pada itu, Fomca menyarankan kerajaan supaya dapat terus meningkatkan pengeluaran beras tempatan dari 65 peratus kepada 100 peratus.

"Dengan mengambil kira isu perubahan cuaca yang akan menjejaskan pengeluaran padi kita, bukan kita sahaja yang terjejas malah negara yang mengeksport beras juga akan turut terjejas hasil pengeluaran padinya.

"Maka kita kena ada bekalan kecemasan sekurang-kurangnya untuk enam bulan supaya negara dapat bersedia dengan sebarang kemungkinan," katanya.

Ujarnya, beras adalah makanan rui rakyat, kerajaan sepatutnya ada stok penimbun untuk bekalan kecemasan khususnya bagi beras tempatan.

Cadang beli mesin proses beras

SABAK BERNAM

Pesawah di Sekinchan bercadang untuk beli mesin proses beras putih bagi menangani kekurangan beras tempatan dan kenaikan harga import.

Seorang pesawah, Ramli Ahmad, 79, berkata, mesin pemprosesan itu diperlukan bagi memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi.

Menurutnya, kebanyakan pesawah yang menjual hasil padi merungut kerana sukar dapat bekalan beras tempatan selain terpaksa membeli beras import yang lebih mahal.

"Saya antara salah seorang pesawah yang ingin bersama-sama rakan lain berkongsi beli mesin memproses beras.

"Jika ada mesin proses beras, kami dapat jimatkan perbelanjaan beli beras import," katanya pada Rabu.

Ujarnya, isu beras bukanlah kali pertama berlaku, malah negara pernah berdepan masalah sama pada 1970-an.

"Kalau 40 tahun dulu, saya masih ingat walaupun ada masalah bekalan beras, tetapi penduduk tidak terputus be-

SELANGOR

kalan kerana ada mesin pemprosesan," ujar Ramli.

Seorang lagi pesawah, Abdul Razak Chik, 60, berkata, permohonannya kepada jabatan pertanian untuk memiliki sebuah mesin padi 10 tahun lalu ternyata memberi manfaat terutama dalam menghadapi krisis beras ketika ini.

Abdul Razak yang menetap di Sungai Leman berkata, pada mulanya dia hanya mahu memiliki mesin beras selepas melawat ke Thailand dan melihat pesawah di negara itu menghasilkan beras sendiri.

"Saya sudah dua kali terima mesin beras daripada jabatan pertanian dan dengan adanya mesin ini kita dapat proses padi selain membantu pesawah lain," jelas Abdul Razak.

Menurutnya, bagi setiap 80 kilogram padi, mesin pemprosesan itu mampu menghasilkan kira-kira 40kg beras dan ia hanya dikenakan caj sebanyak RM20 sahaja.

"Pesawah hanya perlu datang bawa padi yang sudah kering dan kemudian kita proses jadi beras," jelasnya.



Abdul Razak menunjukkan mesin memproses beras disumbangkan jabatan pertanian untuk kegunaan sendiri dan membantu pesawah menghasilkan beras.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

'Kami jual ikut harga semasa'

Peniaga jual barang ikut harga pemborong walaupun ada pelanggan merungut dan marah

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR ALOR SETAR



SAZALI

ASYRAF WAJDI

Peniaga tidak dapat mengelak kenaikan harga beberapa barang keperluan seperti tomato, halia dan bawang yang dijual lebih sebulan lalu walaupun ada pelanggan yang merungut.

Seorang peniaga, Sazali Ismail, 44, berkata, dia menjual barang basah mengikut harga semasa yang ditetapkan oleh pemborong.

"Sekarang yang teruk peruncit. Pembeli marah peruncit, yang bawa barang (pemborong) tidak kena. Kalau pihak berkuasa datang periksa pun yang kena peruncit.

"Sepatutnya pemborong pun kena periksa. Kita peruncit ini kalau pemborong letak harga itu, kita kena ikut. Kalau tidak,

macam mana kami mahu berniaga," katanya semasa ditemui di Pasar Besar Alor Setar pada Rabu.

Sazali berkata, tomato mula naik harga sejak Aidiladha dari RM5 kepada RM8 bagi satu kilogram.

Menurutnya, tidak semua sayur yang dihantar oleh pemborong dapat dijual oleh peruncit kerana ada juga yang rosak.

"Halia pula dijual RM100 satu kotak berat lebih kurang 10kg berbanding RM50 bagi satu kotak. Dulu halia boleh jual RM8 hingga RM10 satu kg, sekarang jual antara RM16 hingga RM18 satu kg," ujarnya lagi.

Seorang lagi peniaga, Asyraf Wajdi Ku

Hashim, 24, berkata, kenaikan harga tomato dan halia tidak lagi dapat dielakkan kerana pemborong sudah meletakkan harga yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun, katanya, harga bagi sayuran lain termasuk sawi dan cili merah masih murah.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna (Cape), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, tinjauan dilakukan di Pasar Besar Alor Setar hasil maklumat orang ramai.

Menurutnya, Skuad Pengguna di beberapa daerah iaitu Kubang Pasu, Yan, Kota Setar, Pendang, Sik, Baling, Langkawi, Bandar Baharu dan Kulim telah melaporkan berlaku kenaikan harga barang tersebut.

"Sejak seminggu lalu, hasil tinjauan mendapati memang berlaku kenaikan drastik sehingga membebankan pengguna.

"Kita dapati ada peniaga jual halia RM1.80 untuk 100 gram tetapi sebelum ini tak sampai pun RM1.

"Kalau kita tengok, bawang putih pun naik antara RM6 hingga RM7 satu kg dan dilaporkan Skuad Pengguna yang terdiri daripada peniaga kedai makan," katanya.

Mohamad Yusrizal berkata, Skuad Pengguna juga antara paling terkesan dengan kenaikan harga barang ini kerana mereka merupakan pembeli mingguan ataupun bulanan.

Didenda RM10,000 jual telur ayam melebihi harga kawalan

JOHOR BAHRU - Sebuah syarikat peruncit didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru kerana menjual telur ayam melebihi harga kawalan ditetapkan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, syarikat itu mengaku bersalah selepas dikesan melakukan perbuatan itu pada 2 Januari lalu.

Menurutnya, syarikat tersebut didapati menjual telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji yang melebihi harga maksimum runcit yang ditentukan dalam Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 iaitu 43 sen sebiji.

"Kesalahan itu dikesan anggota penguat kuasa Johor Bahru berdasarkan siasatan aduan orang awam di sebuah premis runcit sekitar kawasan Taman Dato' Onn, Johor," katanya.

Sementara itu, Lilis Saslinda meminta peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

Isu kekurangan beras putih tempatan stabil dalam tempoh sebulan

KEPALA BATAS - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjangkakan isu kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran akan kembali stabil dalam tempoh sebulan akan datang.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setakat ini bekalan beras tempatan masih lagi mencukupi dan pengguna diingatkan tidak melakukan pembelian panik.

Menurutnya, masalah kenaikan harga beras melibatkan bekalan beras import dan ia berlaku di seluruh dunia termasuk di negara jiran Indonesia.

"Pengguna tidak perlu bimbang kerana pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang menjual padi dan ia sudah mencapai lebih 20 peratus.

"Insya-ALLAH beras kita ini akan kembali stabil dalam masa sebulan lagi. Tapi dalam masa sebulan itu kita akan cuba membuat intervensi di mana berlaku kekurangan kita tampung melalui FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP)," katanya pada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Terdahulu, Mohamad merasmikan bangunan Peladang Outlet Pokok Sena dan meninjau sendiri bekalan stok beras putih tempatan yang terdapat di premis berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, sekiranya berlaku kekurangan bekalan beras di sesetengah kawasan, pihak kerajaan akan melaksanakan langkah intervensi sebagaimana yang dilakukan



Mohamad ketika meninjau gerai jualan Agro Madani sempena pembukaan Peladang Outlet Pokok Sena.

semasa kekurangan bekalan ayam dan telur sebelum ini.

"Kita lakukan seperti kita buat intervensi dalam ayam dan telur.

"Alhamdulillah ayam dan telur telah kembali stabil, kalau ada masalah pun di masalah di poket tertentu dan bukan secara keseluruhan dan kita harap keadaan beras ini kita boleh kawal harga yang tempatan tapi beras import memang lah mengikut harga pasaran," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan turut mengambil langkah agresif menangani masalah manipulasi beras dengan pembabitian pelbagai pihak termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).



Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli beras putih tempatan yang dijual di Peladang Outlet Pokok Sena pada Rabu.

KARTEL JADI PUNCA

- ➔ Pendapatan pesawah masih kurang
- ➔ Krisis bekalan beras

KES KARTEL:

- ➔ Yang mengaut keuntungan adalah kartel yang tidak bergelumang selut serta perit mentari.
- ➔ Monopoli dan sikap lintah darat Kartel.
- ➔ Isu manipulasi hasil pesawah oleh orang tengah.

USAHA KEDAH:

- ➔ LZNK berjaya menghasilkan purata lapan tan satu hektar untuk setiap musim tuaian berbanding pengeluaran padi di Kedah hanya 4.5 tan satu hektar.
- ➔ Model Smart Sawah ini semakin berkembang maka akan cepatah memecahkan monopoli rantaian industri padi.
- ➔ Boleh memberi pendapatan tinggi kepada petani dengan mempertingkatkan produktiviti padi setiap hektar.
- ➔ LZNK akan menjadi cabaran kepada sistem lama yang korup serta menyusahkan petani kerana terpaksa menanggung kos yang mahal.
- ➔ Negara tidak perlu lagi bergantung kepada import beras sekiranya penanaman padi lima kali dua tahun dipraktikkan sepenuhnya.
- ➔ Sekiranya pendekatan itu dilaksanakan, Kedah mampu meningkatkan pengeluaran beras daripada 43 peratus ke 80 peratus.
- ➔ Malah kita dapat mengawal harga kerana tidak perlu bergantung kepada beras import.
- ➔ Memerlukan kerjasama semua pihak sama ada agensi dan jabatan yang terlibat.



Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor menunjukkan padi benih yang diusahakan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Oleh SARINA ISMAIL

ALOR SETAR: Rantaian padi sedia ada hanya mampu menghasilkan 4.5 tan sehektar dan selebihnya bayaran kepada kartel.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, walaupun bercakap berkenaan kartel padi ini ujarnya akan menimbulkan kemarahan pihak tertentu, namun beliau lebih memilih untuk mengatasi masalah agar rakyat tidak terus susah.

"Dulu saya sebut ada kartel padi, semua orang tidak percaya tetapi kita dapat tengok sendiri.

"Biarlah kalau ada orang nak marah bila saya sebut isu kartel padi. Inilah

pendapatan yang hilang secara tersembunyi.

"Dahulu pada 2008 dan 2020 berlaku krisis sekuriti makanan apabila negara pengeluar beras seperti Vietnam, Indonesia tak mampu eksport kerana nak guna untuk keperluan domestik.

"Kita semua cemas satu masa, lepas tu lupa balik. Hal sebegini perlu menjadi pengajaran agar bersama-sama berusaha tingkatakan keluaran tempatan," katanya pada sidang media pada Majlis Perasmian Tuaian Projek Padi Benih Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di Tapak Smart Sawah Berskala Besar Asnaf LZNK, Rabu lalu. ▶ LANJUT H2, H16 & H17

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2023	HARAKAH	NASIONAL	H2

Kartel kaut keuntungan - MB

Oleh **SARINA ISMAIL**

JERAI: Rantaian padi sedia ada hanya mampu menghasilkan 4.5 tan sehektar dan selebihnya bayaran kepada kartel.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, walaupun bercakap berkenaan kartel padi ini ujarnya akan menimbulkan kemarahan pihak tertentu namun beliau lebih memilih untuk mengatasi masalah agar rakyat tidak terus susah.

"Biarlah kalau ada orang nak marah bila saya sebut isu kartel padi. Inilah pendapatan yang hilang secara tersembunyi."

"Dahulu pada 2008 dan 2020 berlaku krisis 'secuariti' makanan, apabila negara pengeluaran beras seperti Vietnam, Indonesia tak mampu eksport kerana nak guna untuk keperluan



Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

domestik.

"Kita semua cemas satu masa, lepas tu lupa balik. Hal sebegini perlu menjadi pengajaran agar bersama-sama berusaha tingkatan keluaran tempatan," katanya pada sidang media pada Majlis Perasmian Tuaian Projek Padi Benih Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) di tapak Smart Sawah

Berskala Besar Asnaf LZNK, Rabu lalu,

Jelasnya lagi, LZNK berjaya menghasilkan purata lapan tan satu hektar untuk setiap semusim tuaian berbanding pengeluaran padi di Kedah hanya 4.5 tan satu hektar.

"Apabila model Smart Sawah ini semakin berkembang maka akan cepatlal memecahkan monopoli rantaian industri padi serta memberi pendapatan tinggi kepada petani dengan mempertingkatkan produktiviti padi setiap hektar," tegasnya lagi.

Justeru kata beliau, LZNK akan menjadi cabaran kepada sistem lama yang korup serta menyusahkan petani kerana terpaksa menanggung kos yang mahal.

Walhal ujarnya yang mengaut keuntungan adalah orang lain yang

tidak bergelumang selut serta perit mentari, ia perlu diberi perhatian untuk meningkat pendapatan petani dan bekalan beras.

Sementara dalam hal yang sama Sanusi menegaskan negara tidak perlu lagi bergantung kepada import beras sekiranya penanaman padi lima kali dua tahun dipraktikkan sepenuhnya.

"Sekiranya pendekatan itu dilaksanakan. Kedah mampu meningkatkan pengeluaran beras daripada 43 peratus ke 80 peratus.

"Malah kita dapat mengawal harga kerana tidak perlu bergantung kepada beras import," kata beliau.

Namun untuk menjayakannya, katanya memerlukan kerjasama semua pihak sama ada agensi dan jabatan yang terlibat.

Tekad bantu golongan miskin

Oleh **SARINA ISMAIL**

JERAI: Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, bertekad akan membantu golongan miskin dengan apa cara yang boleh dilakukan.

Bercakap pada Majlis Tuaian Projek Padi Benih, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Tapak Smart Sawah Berskala Besar, Batu 17, Yan, Rabu lalu, beliau agenda itu merupakan amanah kepadanya sebagai pemimpin negeri.

"Isu kemiskinan tidak akan pernah habis sampai hari kiamat. Tetapi orang selalu bertanya kerajaan tak buat apa-apakah sehingga kemiskinan tak pernah habis.

"Namun kita semua perlu ingat, kemiskinan ini bukan sahaja ujian kepada diri individu orang yang miskin itu tetapi juga kepada orang yang kaya," jelas beliau.

Berikutan itu katanya, Islam mewajibkan zakat sebagai satu langkah untuk mendidik hati menginsafi nasib orang lain di sekeliling yang hidup miskin.



Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

Dalam pada itu LZNK katanya dilihat seiring dengan matlamat kerajaan negeri iaitu menjadikan Kedah tempat orang miskin berteduh dan orang kaya berbakti.

Ujar beliau, LZNK telah berjaya meletakkan satu benchmark (tanda aras) yang tinggi dalam sistem pengurusan zakat yang efisien baik dari segi kutipan mahupun agihan.

"Justeru kepada mana-mana lepasan pelajar Kedah yang sebelum ini dibiayai LZNK atau bisiswa negeri perlukan membayar zakat kepada Kedah.

"Kebanyakan yang

mendapat inisiatif ini sekarang ini tinggal di Lembah Kelang, jadi saya harap tunaikan zakat di Kedah kerana masih ramai orang miskin yang memerlukan pembelaan," tambah beliau lagi.

Sementara jelas Sanusi lagi, selain LZNK, Tabung Tunku Mahmud (TTM) juga berperanan membantu membiayai anak yatim dan miskin untuk meneruskan pelajaran sama ada di peringkat sekolah, kolej mahupun universiti.

"Kita tidak mahu ada anak anak negeri Kedah yang berpotensi untuk membela nasib keluarga keluar dari lingkaran ganas kemiskinan pada masa hadapan, terperangkap tidak dapat meneruskan persekolahan atau pengajian disebabkan oleh kemiskinan.

"Mereka yang berkecuali boleh memohon dengan menulis surat berserta dokumen yang diperlukan melalui pejabat wakil rakyat dan dihantar ke Pejabat Menteri Besar untuk dipertimbangkan. Bantuan ini berbentuk *one-off*," katanya lagi.

Kartel belenggu pesawah

JERAI: Masalah kartel yang membelenggu para petani (pesawah) wajar diatasi agar ia tidak terus menjadi beban kepada golongan itu yang kebanyakannya terdiri daripada berpendapatan rendah.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, harga beras melambung naik namun pengusah sawah semakin hari semakin terhimpit dengan kemiskinan.

"Yang kaya raya adalah tauke-tauke kartel, memerah keringat orang miskin, menguasai rantalan industri dari pejabat menteri hingga ke paling bawah.

"Merekalah (kartel) yang menguasai pengeluaran benih, baja, racun, tanah bendang hinggalah harga beras dalam pasaran.

"Inilah masalah utama yang terus

memerangkap petani hingga terus hidup miskin walaupun kitalah yang tanam padi dan menghasilkan beras di peringkat yang paling asas," tegas beliau ketika memberi ucapan pada Majlis Tuaian Projek Padi Benih, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Tapak Smart Sawah Berskala Besar, Batu 17, Yan, Rabu lalu.

Jelas Sanusi lagi, pihaknya pernah menyebut hal itu suatu ketika dahulu kepada Dato' Seri Dr Ronald Kiandee sewaktu beliau berkunjung ke Seri Mentoloon tiga tahun lalu.

Antara lain juga katanya, sistem padi kunca menyebabkan para pesawah terpaksa membayar 'bunga' kepada tauke-tauke yang memberi hutang sehingga 700 peratus dan hutang ini ditanggung sebagai warisan oleh anak cucu tanpa penyelesaian.

Krisis beras perlu penyelesaian segera

“Hasil perbincangan awal, kita tetapkan agar 20 peratus daripada jumlah beras yang dibeli daripada pengusaha padi di Perlis akan terus kekal di dalam negeri.”

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

ARAU: Krisis beras yang melanda negara ketika ini tidak boleh dipandang ringan malah perlu diambil tindakan segera. Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian

Perlis, Razali Saad mengambil langkah proaktif mengadakan pertemuan pertama dengan pemain industri beras negeri itu.

“Untuk permulaan ini kita adakan pertemuan dengan Pengarah Urusan Dibuk Sdn. Bhd, Marzukhi Othman ke arah merealisasikan Beras Pa-

di Perlis.

“Hasil perbincangan awal, kita tetapkan agar 20 peratus daripada jumlah beras yang dibeli daripada pengusaha padi di Perlis akan terus kekal di dalam negeri,” katanya. Walau bagaimanapun, menurut Razali, perbincangan lanjut akan di-



Razali Saad mendengarnya dan memberi pandangan.

adakan bersama kerajaan negeri bagi memperhalusi perancangan tersebut

“Selepas ini kita akan bertemu dengan Menteri Besar Perlis, Mohd

Shukri Ramli bagi berbincang dengan lebih teliti,” katanya lagi.

Sebelum ini, kerajaan negeri Terengganu menjadi negeri pertama

mengeluarkan beras sendiri dengan mempunyai Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia, MyGAP menerusi jenama Beras Genu.

wajar diatasi

“Bunga atau faedah yang terlalu tinggi menyebabkan ramai orang kita jatuh miskin gara-gara berhutang. Orang lain perturun pusaka tanah, orang kita pusaka hutang. Tanah bertukar tangan apabila dijadikan cagaran hutang,” katanya lagi.

Justeru, beliau amat berharap Skim Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (Smart SBBA) yang diusahakan oleh LZNK menjadi salah satu jalan keluar daripada masalah ini.

Tindakan LZNK itu ujarinya merupakan satu langkah bijak yang perlu dikembangkan lagi ke kawasan-kawasan lain untuk menghentikan dominasi dan manipulasi taukeh-taukeh kartel ‘lintah darat’ yang hidup kaya raya atas jerih payah orang lain.

Dalam pada itu beliau yakin usaha LZNK yang dimajukan dari satu peringkat

ke satu peringkat sehingga mampu mengeluarkan benih padi akan terus berkembang sehingga memiliki kilang beras sendiri suatu hari nanti.

Inisiatif yang dilaksanakan LZNK ini katanya telah memberi nafas baru kepada para pesawah, paling kurang jalan keluar dari terus terkongkong belunggu kemiskinan berterusan.

“Kos-kos jentera kita turunkan. Harga benih, baja dan racun kita kawal semampu yang mungkin. Kita bagi latihan dan jadual yang betul.

“Kita atur sendiri bila mesin nak kutip padi. Kita sendiri yang susun kilang mana padi ini nak dihantar.

“Cuma yang tinggal lagi ialah LZNK belum ada kilang padi sendiri saja. Saya harap mereka (LZNK) mempunyai kilang padi dengan segera. Kerajaan negeri sokong 200 peratus,” tambahnya.

UTUSAN
MALAYSI

Simpan stok punca beras kurang?

berlaku penyelewengan atau

Mohd. Yusrizal berkata, kalangan pengguna ketika ini nampak masih belum berupaya hati dengan usaha kerajaan dalam menangani isu tersebut yang dilihat kian berlarutan.

"Umbia itu ada tetapi sangat diperlihatkan kami bimbang soal-nya. Krisis ini berlanjut dan menjadi lebih buruk."

"Jangan ada penafian ber-hubungan isu ini dalam masa-masa, berhentilah daripada menyalahkan pengguna kon-puter membuat pembelian pa-nik. Kalau berlaku pembelian pa-nik pada Jula dan Ogos, mung-kinlah itu sebanyak berlaku kecukungan belanja pada Sep-tember tetapi kita lihat, pada bulan-bulan pembelian pa-nik ke-lakian tempoh dua bulan ke-lakangan ini," katanya.

diterima peruncuti terutamanya pasar raya - pasar raya besar. Adakal mereka menerima jumlah bekalan yang sama seperti sebelum ini," soalnya ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan harga barang di Pasar Besar Alor Setar di sini, semalam.

Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Datuk Seri Moham-

ad Sabu mendakwa kekua-
ngan bekalan beras tempatan
di pasaran berpunca daripada
pembelian panik dalam kalu-
angan rakyat.

Menurut Mohamad, beras
tempatan yang sebelum ini tidak
diperlukan rakyat termasuk
oleh para peniaga mula dicari
selepas kenaikan harga beras-im-
port hingga menjadikannya se-
bagai permintaan utama, sekali-
gus membolehkan berakunya

Peruncit tido beras tempo margin untu

AKSI pelajar cilik yang menyertai Kesatuan Sifat Sirkuit Sukuma dan 1 Sekolah 1 Sifat SSTS Peringkat Negeri Sembilan 2023 yang berlangsung selama dua hari berakhir dengan di kompleks Sukkah Kogmerin di Parol, Utusan / MOHD. LAH IJHAN MA'AMIN

sekurang bekalan. Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin pun sebelum ini pernah memberitahu yang pasar raya tersebut menerima bekalan beras pada kadar sangat rendah berbanding sebelum ini.

"Oleh itu bagaimana pula mamahu salahkan pengguna komennya membuat pembelian pamik sedangkan peruncit pun tidak bekalan yang sedikit?"

"Jadi kami mau terus per- soalkan, ke mana sebenarnya beras tempatan itu pergi? Mengapa pula beras import boleh didiperoleh di mana-mana dan beras tempatan pula hilang se- dangkan dasar pengeluaran be- ras negara adalah 30 peratus be- ras import dan 70 peratus beras tempatan," soalnya.

Mengulas lanjut Yusrizal berkata, tidak sukar untuk pihak Kementerian membuat pemeriksaan di pasar raya-pasar raya besar kerana sistem digunakannya sentiasa teratur.

Peruncit tidak jual beras tempatan kerana margin untung rendah

SEREMAM: Ini beras (tumpukan) yang kurang di pasaran masih lagi berakut di Negeri Sembilan, malah, beberapa buah pasar raya dan kedai runcit langsung tidak menjual beras tempatan. Mengulas mengenai perkara ini, Pengarah Pejabat Kawalselia Padang Besar, Mawani Yusoff berkata, memang masih ber-

[illegible]

